

24/08/2002

Sidang agung Gerakan ditangguh Oktober

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Persidangan Agung Parti Gerakan yang dijadualkan pada 28 September ini di Dewan Wawasan Menara PGRM, Kuala Lumpur, ditangguhkan kepada 5 dan 6 Oktober ini.

Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye, berkata perubahan tarikh itu bagi bagi membolehkan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan persidangan itu pada jam 10 pagi.

Katanya, mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita Gerakan juga ditangguhkan daripada 27 September kepada 4 Oktober depan.

"Penamaan calon bagi merebut semua jawatan penting, termasuk presiden, timbalan, naib serta 18 ahli jawatankuasa parti pula akan diadakan pada 28 September antara jam 10 pagi hingga 12 tengah hari.

"Penamaan calon bagi Pemuda dan Wanita pula diadakan sehari sebelum itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Gerakan Terengganu di Hotel Grand Continental di sini, hari ini.

Chia berkata, penamaan calon selepas daripada tempoh itu tidak akan diterima.

Beliau berkata, jawatan Presiden yang disandang Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Timbalan Presiden, Datuk Kerk Choo Ting serta jawatan Naib Presiden mungkin tidak dipertandingkan.

Katanya, kira-kira 1,800 perwakilan akan memilih pemimpin dan 18 ahli Jawatankuasa Pusat untuk menerajui parti itu untuk tempoh tiga tahun.